

**JABATAN PELESENAN
MAJLIS DAERAH BATU GAJAH**

SYARAT-SYARAT LESEN PREMIS PERNIAGAAN MENJUAL MINUMAN KERAS

Definisi : Lesen Minuman Keras adalah untuk peniaga yang menjual minuman keras samada di kedai runcit, Supermarket atau hotel.

Kategori Lesen : Jualan Borong, Jualan Runcit, Rumah Awam Kelas 1, 2 & 3

*Nota : Rumah Awam Kelas 1 – Hotel, Restoran Café, Lounge Bar, Pub,
Pusat Hiburan dan Rumah Kelab.
Rumah Awam Kelas 2 – Kedai Kopi
Rumah Awam Kelas 3 – Kedai kopi

Agensi Berkuasa Melesen : Pejabat Daerah Batu Gajah

Syarat-syarat Am :

1. Perniagaan hanya boleh dijalankan di bangunan yang dibenarkan iaitu seperti :
 - a. Bangunan Hotel
 - b. Kompleks perdagangan
 - c. Rumah Kedai (Kawasan Komersil)
2. Individu atau syarikat yang memohon hendaklah mempunyai Sijil Pendaftaran Perniagaan atau syarikat oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
3. Jauh dari kawasan sekolah/institusi pendidikan serta Masjid (>100 meter)

Syarat-syarat Lesen :

1. Mempamerkan Lesen sepanjang masa di tempat perniagaan tersebut dijalankan.
2. Memastikan tiada pengunjung yang berumur **dibawah 21 tahun** dan juga pengunjung yang **beragama Islam** meminum minuman keras. Papan kenyataan mengenai larangan ini wajib disediakan dan hendaklah dipamerkan di pintu masuk premis.
3. Mematuhi had masa sepertimana yang ditentukan oleh Lembaga Pelesenan.
4. Dilarang menjual minuman keras dalam bentuk "Sachet".

**ARAHAN,
YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH BATU GAJAH.**